

KESAN PENGGUNAAN KAEDAH MOBIL *GALLERY* WALK TERHADAP MINAT DAN PRESTASI PELAJAR EKONOMI

MAZDALIFA BINTI MAKMUN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019

**KESAN PENGGUNAAN KAEDAH MOBIL *GALLERY WALK* TERHADAP MINAT
DAN PRESTASI PELAJAR EKONOMI**

MAZDALIFA BINTI MAKMUN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: _____

No. Matrik /Matric No.: _____

Saya / I : _____

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim dan Assalamualaikum W. B. T,

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah S.W.T dengan izin dan limpah rahmat-Nya, salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga serta sahabat-sahabat baginda serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, PM Dr Khoo Yin Yin kerana telah memberi sokongan dan dorongan kepada saya ketika menjalankan kajian ini. Saya juga turut ingin berterima kasih kepada beliau kerana telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya bagi menyiapkan kajian ini. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga saya iaitu ibu bapa saya Makmun Bin Osman dan Samawiyah binti Lamri serta adik beradik saya Mazliana, Maizura, Nor Azimah, Siti Badriah dan Muhammad Aiman Mukhriz kerana telah memberi semangat dan dorongan untuk menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pencipta pakej perisian statistik perisian IBM SPSS kerana memudahkan saya menganalisis data-data dalam kajian ini. Akhir sekali, ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya yang banyak membantu dan memberi komen ketika menyiapkan kerja kursus ini. Tunjuk ajar, kerjasama dan dorongan yang diberikan oleh semua pihak membolehkan saya berjaya menyiapkan kajian ini dengan jayanya.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai kesan penggunaan kaedah mobil *gallery walk* terhadap minat dan prestasi pelajar Ekonomi. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel dalam kajian ini dijalankan secara persampelan rawak mudah melibatkan 99 orang pelajar tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Ekonomi di sebuah sekolah di Daerah Zon Sepang Selangor. Sampel kajian terdiri daripada tiga kumpulan iaitu dua kumpulan eksperimen terdiri daripada 30 (KMGW) dan 35 (KGW) orang responden serta satu kumpulan kawalan terdiri daripada 34 (KK) orang responden. Dua jenis instrumen kajian digunakan iaitu soal selidik dan soalan ujian. Pra ujian dan pasca ujian dijalankan terhadap kedua-dua instrumen bagi ketiga-tiga kumpulan. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan perubahan tahap minat dan prestasi pelajar menerusi kaedah pembelajaran, manakala analisis inferensi pula melibatkan ujian MANCOVA, ujian ANCOVA dan ujian korelasi Pearson yang menerangkan kesan serta hubungan antara pemboleh ubah kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perubahan minat dan prestasi yang tinggi pada tempoh pascaujian berbanding praujian terhadap kumpulan pelajar yang didedahkan dengan KMGW berbanding dengan kumpulan yang didedahkan dengan KGW dan KK. Hasil analisis MANCOVA menunjukkan bahawa terdapat kesan kaedah pembelajaran yang signifikan ($F=49.989$, $p < .05$) terhadap kajian yang dijalankan. Hasil analisis ANCOVA menunjukkan bahawa secara signifikannya terdapat kesan bagi kaedah pembelajaran terhadap pemboleh ubah minat ($F= 316.559$, $p < .050$) dan pemboleh ubah prestasi ($F =93.938$, $p < .05$). Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara minat dan prestasi pelajar dengan nilai korelasi adalah $r=.767$. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan penggunaan kaedah mobil *gallery walk* telah meningkatkan minat dan prestasi pelajar Ekonomi. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan kaedah mobil *gallery walk* dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Ekonomi.





THE EFFECT OF MOBILE GALLERY WALK TOWARDS STUDENTS' INTEREST AND PERFORMANCE IN ECONOMIC

ABSTRACT

This study was aimed to evaluate the impact of mobile gallery walk (MGW) towards students' interest and performance in Economics. Quantitative approaches with quasi-experimental design were used for this study. A number of 99 form four Economic students from a school in Sepang district were chosen using random sampling methods as studied subjects. Sample size divided into three groups, which were two experimental groups consisted of 30 (KMGW) and 35 (KGW) respondents and one control group consisted of 34 (KK) respondents. Two research instruments were employed which are survey questionnaires and exam questions. Pre-test and post-test were performed on both instruments for all three groups. Data were analyzed using descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis describes the changes in students' level of interest and performance through learning methods while inferential statistics which involved a MANCO, ANCOVA and a Pearson correlation analysis to explain the impact and relationships between the studied variables. The findings showed that there were improvement in interest and achievement during the post-test compared to pre-test of students exposed to KMGW compared to those exposed to KGW and KK. The results of the MANCOVA analysis showed that there was a significant effect of learning method ($F = 49.989$, $p < .05$) on the study conducted. The ANCOVA analysis showed that there was a significant effect of learning method on the variables of interest ($F = 316.559$, $p < .050$) and performance ($F = 93.938$, $p < .05$). Pearson correlation analysis showed that there was significant relationship between students' interest and performance with correlation value of $r = .767$. As a conclusion, mobile gallery walk method has improved students' interest and achievement in Economic. The study implicates that the use of mobile gallery walk method can enhance the effectiveness of teaching and learning in Economic.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xiv

SENARAI RAJAH xviii

SENARAI SINGKATAN xx

SENARAI LAMPIRAN xxiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 4

1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Tujuan Kajian	11
1.5	Objektif Kajian	12
1.6	Persoalan Kajian	13
1.7	Hipotesis Kajian	14
1.8	Kerangka Teoretikal Kajian	15
1.8.1	Teori Konstruktivisme	15
1.8.2	Zon Perkembangan Proksimal (ZPP)	16
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.10	Kepentingan Kajian	22
1.11	Skop Kajian	24
1.12	Batasan Kajian	24
1.13	Definisi Operasional	25
1.13.1	Mobil Pembelajaran	25
1.13.2	<i>Gallery Walk</i>	26
1.13.3	Prestasi	26
1.13.4	Minat	27
1.13.5	Kumpulan Eksperimen	27



1.13.6	Kumpulan Kawalan	28
1.14	Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	29
2.2	Teori Pembelajaran	30
2.2.1	Teori Konstruktivisme	30
2.2.2	Zon Perkembangan Proksimal (ZPP)	31
2.3	Model Pembelajaran	32
2.4	Pembelajaran Secara Mobil <i>Gallery Walk</i>	35
2.4.1	Kaedah <i>Gallery Walk</i>	35
2.4.2	Kaedah Mobil Pembelajaran	44
2.4.3	Hubungan Antara Minat Dan Prestasi Pelajar	56
2.5	Rumusan	59

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	60
3.2	Reka Bentuk Kajian	61



3.2.1	Ringkasan Kumpulan	63
3.3	Populasi Dan Sampel	65
3.3.1	Teknik Persampelan	66
3.4	Instrumen Kajian	68
3.4.1	Soal Selidik	70
3.4.2	Ujian Prestasi Pelajar	72
3.5	Kajian Rintis	73
3.5.1	Kesahan Kandungan Instrumen Kajian	74
3.5.2	Kebolehpercayaan Kajian	77
3.6	Prosedur Pemungutan Data	79
3.6.1	Aplikasi Penggunaan Peranti Mobil Dalam Pembelajaran	84
3.6.2	Prosedur Menjalankan Kajian	88
3.7	Kawalan Ancaman	102
3.8	Pengukuran Skala	105
3.9	Analisis Data	106
3.9.1	Analisis Deskriptif	106
3.9.2	Analisis Inferensi	107

3.9.3	Ringkasan Statistik	109
3.10	Rumusan	111

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	112
4.2	Penyemakan Data Kajian Sebenar	114
4.2.1	Ujian Normaliti	114
4.2.2	Ujian Korelasi <i>Pearson</i>	117
4.3	Analisis Deskriptif Demografi Pelajar	118
4.3.1	Ringkasan Demografi	119
4.4	Pra Eksperimen	122
4.4.1	Dapatan Keputusan Pra-Eksperimen	122
4.5	Keputusan Eksperimen	124
4.5.1	Analisis Deskriptif Praujian Dan Pascaujian Minat Pelajar	125
4.5.2	Analisis Deskriptif Praujian Dan Pascaujian Prestasi Pelajar	132
4.5.3	Pengujian Hipotesis 1 Dan Hipotesis 2	134
4.5.4	Pengujian Hipotesis 3	142
4.6	Ringkasan Bagi Hipotesis 1 Hingga Hipotesis 3	144

4.7	Ringkasan Bagi Soalan Kajian 1 Hingga Soalan Kajian 4	145
-----	---	-----

4.8	Rumusan	146
-----	---------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	148
-----	-------------	-----

5.2	Rumusan Dapatan Kajian	149
-----	------------------------	-----

5.3	Perbincangan	150
-----	--------------	-----

5.3.1	Kesan Kaedah Pembelajaran Terhadap Minat	150
-------	--	-----

5.3.2	Kesan Kaedah Pembelajaran Terhadap Prestasi	151
-------	---	-----

5.3.3	Hubungan Antara Minat Dan Prestasi Pelajar Terhadap KMGW	153
-------	--	-----

5.4	Implikasi Kajian	155
-----	------------------	-----

5.4.1	Implikasi Dan Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	155
-------	---	-----

5.4.2	Implikasi Dan Cadangan Kepada Pentadbir Sekolah	156
-------	---	-----

5.4.3	Implikasi Dan Cadangan Kepada Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	158
-------	--	-----

5.4.4	Implikasi Dan Cadangan Kepada Mata Pelajaran Ekonomi	159
-------	--	-----

5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	160
-----	--------------------------	-----



5.6	Kesimpulan	162
-----	------------	-----

RUJUKAN	163
----------------	-----

LAMPIRAN	176
-----------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
1.1	Gelombang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia di bawah Anjakan Ketujuh. (Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia)	5
1.2	Analisis Mata Pelajaran dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016-2017 bagi Mata Pelajaran Ekonomi Asas, Pengajian Keusahawanan dan Prinsip Perakaunan.	9
2.1	Skop Kajian Lepas Dalam dan Luar Negara Mengenai <i>Gallery Walk</i> .	41
2.2	Skop Kajian Lepas Dalam dan Luar Negara Mengenai Mobil Pembelajaran.	52
2.3	Skop Kajian Lepas Dalam dan Luar Negara Mengenai Hubungan Antara Minat dan Prestasi.	58
3.1	Sampel Kajian	68
3.2	Skala <i>Likert</i>	72
3.3	Kesahan Soal Selidik	76
3.4	Kesahan Ujian Prestasi Pelajar	77

3.5	Nilai Kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i> Kajian Rintis	79
3.6	Rancangan Mengajar Ekonomi Bagi Bab 3 Iaitu Wang, Bank Dan Pendapatan Individu Serta Bab 4 Iaitu Pengeluaran Tingkatan 4 Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan Selama 8 Minggu.	88
3.7	Pembahagian Item Bahagian A Mengikut Latar Belakang Responden	105
3.8	Pembahagian Skor Min Minat Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran	107
3.9	Kekuatan Korelasi <i>Pearson</i>	109
3.10	Ringkasan Statistik	110
4.1	Keputusan Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	115
4.2	Keputusan Ujian <i>Kolmogorov-Smirnov</i> dan <i>Shapiro-Wilk</i>	116
4.3	Keputusan Ujian Kehomogenan Varians (Ujian Levene)	117
4.4	Korelasi <i>Pearson</i> antara Kovariat (Prajian Minat) dan Pemboleh Ubah Bersandar (Minat dan Prestasi)	118
4.5	Ringkasan Demografi Responden	121
4.6	Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Prajian Minat) mengikut Kaedah Pembelajaran yang Didedahkan kepada Pelajar.	123

4.7	Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Prajian Prestasi) mengikut Kaedah Pembelajaran yang Didedahkan kepada Pelajar.	124
4.8	Maklum Balas Tahap Minat Pelajar bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian terhadap Kaedah Pembelajaran (KMGW, KGW dan KK)	125
4.9	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) pada Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Minat)	131
4.10	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) pada Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Prestasi)	133
4.11	Min, Sisihan Piawai (SP), dan Min Terlaras (<i>Adjusted Mean</i>) bagi setiap Pemboleh Ubah Bersandar berdasarkan Kaedah Pembelajaran Pelajar	136
4.12	Ringkasan Keputusan <i>Multivariate Analysis of Covariance</i> (MANCOVA) mengikut Kaedah Pembelajaran Pelajar dan Susulan <i>Analysis of Covariance</i> (ANCOVA) terhadap Tiga Kumpulan Kaedah Pembelajaran	137
4.13	Ringkasan Keputusan Perbezaan Min terhadap Tiga Kumpulan Kaedah Pembelajaran Berdasarkan Pemboleh Ubah Minat dan Prestasi.	138
4.14	Ringkasan Keputusan Ujian ANCOVA	141
4.15	Analisis Korelasi Pearson antara Pemboleh Ubah Minat dan Prestasi	143
4.16	Ringkasan Keputusan Hipotesis	144

4.17 Ringkasan Keputusan Soalan Kajian

145

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Perkembangan Pelajar Proksimal (ZPP) Pelajar.	17
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	21
2.1	Model Reka Bentuk Sistem Pengajaran	33
3.1	Reka Bentuk Kajian dan Analisis	62
3.2	Ringkasan Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	64
3.3	Carta Alir Penggunaan Perisian Mobil <i>Gallery Walk</i> Menerusi Aplikasi <i>Padlet</i> dan <i>Augmented Reality</i> .	82
3.4	Prosedur Pemungutan Data.	83
3.5	Aplikasi Perisian <i>Augmented Reality</i> dalam Mobil <i>Gallery Walk</i> (KMGW).	84
3.6	Aplikasi Perisian <i>Padlet</i> dalam Mobil <i>Gallery Walk</i> (KMGW).	84
3.7	Koleksi Peta Minda dalam Aplikasi Perisian Mobil <i>Gallery Walk</i> (KMGW) Menerusi <i>Padlet</i> .	85



3.8	Koleksi Video Pembelajaran dalam Aplikasi Perisian Mobil <i>Gallery Walk</i> (KMGW) Menerusi <i>Padlet</i> .	86
3.9	Koleksi Perbincangan Pelajar dalam Aplikasi Perisian Mobil <i>Gallery Walk</i> (KMGW) Menerusi <i>Padlet</i> .	86
3.10	Lampiran Video dalam Aplikasi Perisian Mobil <i>Gallery Walk</i> (KMGW) Menerusi <i>Augmented Reality</i> .	87
4.1	Ringkasan Perbandingan Min pada Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Minat).	131
4.2	Ringkasan Perbandingan Min pada Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Prestasi).	133





SENARAI SINGKATAN

CAP	Projek Agenda Kritikal
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
DST	Kesan Penceritaan Digital
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
ISD	<i>Instructional System Design</i>
KGW	Kaedah <i>Gallery Walk</i>
KK	Kaedah Konvensional
KMGW	Kaedah Mobil <i>Gallery Walk</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
MBE	Model Baru Ekonomi



MPEI	Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PSPTN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
PTE	Program Transformasi Ekonomi
PTK	Pelan Transformasi Kerajaan
RMK-10	Rancangan Malaysia ke-10
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UTAUT	<i>The Unified Theory of Acceptance and Use of Technology</i>
ZPP	Zon Perkembangan Proksimal
AP	<i>Access Point</i>
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
K- 12 th	<i>Kindergarten to 12th grade</i>
MANCOVA	<i>Multivariate Analysis Covariance</i>



PDA	<i>Personal Data Assistant</i>
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNESCO	<i>The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

A (I) Ujian Prestasi

(II) Jadual Spesifikasi Ujian

B (I) Soal Selidik Kaedah Mobil *Gallery Walk*

(II) Soal Selidik Kaedah *Gallery Walk*

D *Cronbach's Alpha*

E Surat Pengesahan Status Pelajar

F Surat Pengesahan Kajian Pelajar

G Surat Menjalankan Kajian (KPM)

H Rancangan Pengajaran Harian bagi Kumpulan Kawalan (KK)

I Rancangan Pengajaran Harian bagi Kumpulan *Gallery Walk* (KGW)

J Rancangan Pengajaran Harian bagi Kumpulan Mobil *Gallery Walk*
(KMGW)

K Modul Pembelajaran Kaedah Mobil *Gallery Walk*



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Berdasarkan kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), mata pelajaran Ekonomi merupakan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) yang telah digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk para pelajar tingkatan 4 dan 5 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Penggubalan kurikulum MPEI merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani dan rohani, mempunyai akhlak yang baik, kreatif dan inovatif serta mengamalkan budaya profesionalisme bagi menangani cabaran abad ke-21 selaras dengan matlamat pendidikan negara ke arah negara yang berdaya saing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).





Revolusi dan evolusi dalam sistem pendidikan di negara kita perlu dilakukan penambahbaikan untuk menjana kesan yang positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran pelajar. Pengaplikasian peralatan teknologi mudah alih dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung memberikan pengaruh yang positif kepada pelajar (Emrah & Huseyin, 2015; Simelane & Mji, 2014; Jeevi & Safinas, 2013). Kini, dalam langkah merealisasikan pengaplikasian teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Projek 1BestariNet. Kebanyakan sekolah di seluruh Malaysia telah disediakan dengan prasarana Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi merealisasikan konsep pembestarian pendidikan ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).



Kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi secara atas talian merupakan salah satu alternatif bertujuan menggantikan kaedah tradisional. Menurut para pengkaji (Kumar, Wotto & Belanger, 2018; Brantes, Zanela, Freitas, & Schlemmer, 2013; Barati & Zolhavarieh, 2012), kaedah pengajaran dan pembelajaran secara tradisional pada masa kini tidak lagi mampu merealisasikan hasrat dan matlamat pendidikan abad ke-21 serta pencarian maklumat-maklumat pembelajaran mengambil masa yang terlalu lama jika dibandingkan pencarian bahan melalui kaedah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) berpendapat bahawa dengan menggunakan ICT dalam pendidikan, proses pengajaran dan pembelajaran dapat direvolusikan, pedagogi dapat dikembangkan dan penguasaan pelajar dapat dipertingkatkan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah *gallery walk* secara





mobil bagi menggantikan kaedah konvensional dalam usaha untuk memenuhi hasrat dan matlamat pendidikan abad ke-21.

Kaedah *gallery walk* ialah satu kaedah pembelajaran yang membolehkan pelajar bergerak, berfikir dan berbincang antara satu sama lain (Rodenbaugh, 2015). Menurut Kennedy, Mimmack dan Flannery (2012), kaedah *gallery walk* dapat memberikan banyak faedah kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan kaedah *gallery walk* dapat merangsang pemikiran kritis, komunikasi dan dapat membuatkan pelajar mengaplikasi penilaian kritikal terhadap maklumat baru (Kennedy et al., 2012). Menurut Kruea-In dan Thongperm (2014) pula, *gallery walk* dapat meningkatkan pengurusan masa, penglibatan pelajar dan akauntabiliti pelajar serta perbincangan secara berkumpulan juga dapat dipertingkatkan. Dengan menggunakan kaedah *gallery walk*, pelajar dapat meningkatkan pemahaman tentang topik yang dipelajari, proses pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan serta kemahiran berinteraksi dalam pasukan juga dapat dipertingkatkan (Rodenbaugh, 2015; Kruea-In & Thongperm, 2014; Kennedy et al., 2012).

Penyataan di atas disokong oleh sekumpulan pengkaji (De Pedro, Jackson, Campbell, Gilley & Clarelli, 2016; Di Teodoro, Donders, Kemp-Davidson, Robertson & Schuyler, 2011). De Pedro et al. (2016) dan Di Teodoro et al. (2011), dalam kajiannya juga mengatakan bahawa kaedah *gallery walk* sangat berkesan dalam meningkatkan kefahaman pelajar tentang perkara yang telah diajar oleh guru. Aktiviti *gallery walk* ini dapat menggalakkan pelajar menghubungkan tentang kehidupan sebenar mereka dengan





perkara yang mereka pelajari di dalam kelas (De Pedro et al., 2016; Di Teodoro et al., 2011).

Pembangunan teknologi dalam peralatan mudah alih telah mewujudkan saluran komunikasi yang baru, terutamanya dalam kalangan para pelajar dan tenaga pengajar sehingga meningkatkan motivasi pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Bringula, De Leon, Rayala, Pascual & Sendino, 2017; Noorhadi & Zurinah, 2017; Chaiprasurt & Esichaikul, 2013). Dalam kajian yang dilaksanakan oleh Stewart dan Beaudry (2017), beliau menambah strategi baru ke dalam kaedah *gallery walk* iaitu memasukkan teknologi mudah alih dalam aktiviti *gallery walk* mereka. Kajian ini juga memasukkan teknologi mudah alih dalam kaedah *gallery walk* menjadi mobil *gallery walk* menerusi penggunaan aplikasi *Padlet*. Justeru itu, perlunya kajian kaedah mobil *gallery walk* dijalankan dalam meningkatkan prestasi dan minat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dasar Wawasan 2020 telah memacu penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara meluas dalam sistem pendidikan negara menerusi pelancaran Projek Perdana Koridor Raya Multimedia pada tahun 1997 serta Projek Sekolah Bestari (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam membudayakan ICT di sekolah-sekolah bagi merapatkan jurang digital. Dasar ini juga diperkukuh dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM): Anjakan 7, iaitu





mengaplikasikan ICT bagi meningkatkan tahap pembelajaran di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan asas ICT, iaitu sentiasa memastikan keupayaan infrastruktur ICT dipertingkatkan dari semasa ke semasa, memperkenalkan inovasi ICT serta mengekalkan penggunaan inovatif seluruh sistem, iaitu menerapkan pembelajaran menggunakan ICT sepenuhnya dalam Gelombang 3, PPPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Jadual 1.1 menunjukkan Gelombang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia di bawah anjakan ketujuh dalam mengapikasi ICT bagi menambahbaik kualiti sistem pendidikan di Malaysia.

Jadual 1.1



Gelombang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia di bawah Anjakan Ketujuh. (Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia)

Gelombang	Huraian
Pertama (2013-2015)	Melaksanakan 1BestariNet ke semua sekolah untuk mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran harian
Kedua (2016-2020)	Memacu inovasi ICT khususnya untuk pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran terarah sendiri
Ketiga (2021-2025)	Melaksanakan program dan inovasi ICT bagi kumpulan berkeperluan khusus di seluruh negara untuk meningkatkan standard pembelajaran secara berterusan.

Sumber: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Muka surat: 27





Penggunaan teknologi mudah alih (M-Pembelajaran) dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Malaysia semakin berkembang pada masa kini. Sekumpulan penyelidik juga berpendapat bahawa pengaplikasian peralatan teknologi mudah alih dalam proses pengajaran dan pembelajaran mendatangkan kesan yang positif kepada pelajar (Khairah, Saedah & Muhammad Faizal, 2017; Stockwell & Hubbard, 2013). Menurut Pillai dan Sivathanu (2018) serta Zahidah, Shanti, Nurul Shuhadah, Zaidatul dan Nurulain (2017) kaedah pembelajaran M-Pembelajaran boleh diaplikasikan ke dalam sistem pendidikan di negara kerana kaedah tersebut murah, tidak membelanjakan kos yang tinggi serta terdapat beberapa aplikasi mudah alih yang disediakan untuk sistem pendidikan adalah percuma.



Peningkatan dalam keberkesanan teknologi mudah alih secara tidak langsung dapat meningkatkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan (Raza, Umer, Qazi, & Makhdoom, 2018; Rafiza, 2013). Penggunaan teknologi mobil dapat merapatkan jurang digital, malah pengaplikasian peralatan ini juga dapat meningkatkan kemahiran ICT pelajar, merangsang pembelajaran berpusatkan pelajar dan membantu pelajar mendapatkan maklumat dengan lebih cepat berkaitan dengan topik-topik pembelajaran yang tertentu (Chin & Lim, 2018; Mohd Hashim & Abubakar, 2017; Khizbullin et al., 2017).

Menurut Kalaiselvi dan Balamuralithara (2018); Ortega Garcia, Ruiz-Martinez, dan Valencia-Garcia, (2018); Wahyudin, Ishak, Munir dan Dinn Wahyudin (2017), penggunaan teknologi mudah alih sebagai kaedah pembelajaran telah meningkatkan kualiti pembelajaran ke arah yang lebih baik. Menurut Chu, Reynolds, Tavares, Notari dan Lee (2017) serta Isik dan Yilmaz (2012) pula, bagi meningkatkan kualiti penggunaan teknologi





mudah alih dalam proses pengajaran dan pembelajaran, setiap institusi pendidikan perlulah memiliki kemudahan peralatan ICT yang lengkap, mempunyai kompetensi asas dalam ICT serta mewujudkan akses yang lebih luas bagi membangunkan platform pembelajaran ICT yang lebih baik.

Pelaksanaan kaedah *gallery walk* dalam proses pembelajaran pada masa kini adalah bersesuaian jika dilihat dari segi aspek fungsi penggunaan peralatan teknologi tersebut yang agak meluas pada masa kini. Menurut Hendri dan Retika (2017); Silberman (2014) serta Mark (2006), kaedah *gallery walk* menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi dan berkongsi idea dengan rakan-rakan yang lain dan bukan hanya mendengar daripada pengajar sahaja. Di samping itu, menurut Hendri dan Retika (2017); Silberman (2014) serta Mark (2006) *gallery walk* juga merangsang dan meningkatkan pelbagai kemahiran kognitif pelajar yang melibatkan analisis, penilaian dan sintesis.

Menurut Franzblau dan Haque (2018); Fannia, Rini dan Arman (2017) serta Cook dan Bush (2015), hasil kajian menunjukkan bahawa dengan menggunakan kaedah pembelajaran *gallery walk*, hasil pembelajaran dapat dipertingkatkan. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah pengajaran *gallery walk* mempunyai hubungan yang signifikan dalam meningkatkan prestasi pelajar (Franzblau & Haque 2018; Fannia et al., 2017; Cook & Bush, 2015).





Justeru, pelaksanaan kaedah pembelajaran mobil *gallery walk* terutamanya dalam kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi adalah bersesuaian. Pengaplikasian teknologi mudah alih ini juga dilihat dapat memberikan pengaruh yang positif kerana dapat membantu para pelajar untuk melibatkan diri dalam pembelajaran berpusatkan pelajar (Farkas, 2018). Selain itu, kaedah pembelajaran ini juga dapat mempercepatkan atau memperlahankan tempoh pembelajaran bersesuaian dengan masa belajar masing-masing (Saedah, Fadhilah & Mohammad Helmi, 2012). Justeru, para guru juga dapat menilai serta meninjau perkembangan tahap pemahaman para pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi secara lebih efektif.



1.3 Pernyataan Masalah



Menurut Baharin dan Yusop (2011), mendapati bahawa masalah prestasi para pelajar berkaitan mata pelajaran Ekonomi Asas di seluruh Malaysia telah menurun sejak peringkat awal mata pelajaran Ekonomi Asas diperkenalkan iaitu pada tahun 1992. Jadual 1.2 menunjukkan keputusan peperiksaan Sijil Pembelajaran Malaysia (SPM) bagi mata pelajaran Ekonomi Asas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Berdasarkan kepada jadual, dapat dilihat bahawa terdapat peningkatan pada peratusan kelulusan bagi mata pelajaran Ekonomi Asas pada tahun 2016 sehingga 2017. Namun nilai Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) dari tahun 2016 sehingga 2017 bagi mata pelajaran Ekonomi Asas adalah lebih daripada 4.00 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa kualiti prestasi para pelajar adalah tidak memuaskan. Hal ini membuktikan bahawa terdapat masalah dalam menguasai mata pelajaran Ekonomi Asas



dan pendekatan yang terbaik harus dilakukan oleh para guru dalam mengatasi permasalahan tersebut.

Jadual 1.2

Analisis Mata Pelajaran Dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016-2017 bagi Mata Pelajaran Ekonomi Asas, Pengajian Keusahawanan dan Prinsip Perakaunan

Mata pelajaran	Tahun	Peratus Calon				Bil.	GPMP
		Cemerlang	Kepujian	Lulus	Gagal		
		A+,A,A-	B+,B,C+,C	D,E	G		
Ekonomi Asas	2017	9.1	30.8	43.9	16.2	61, 321	6.29
	2016	9.9	28.8	41.5	19.8	63, 624	6.39
Beza		-0.8	2.0	2.4	-3.6	-2.303	-0.10

Sumber: Pengumuman Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2017, m/s: 18-23

Menurut Aldaghir (2018), penguasaan pelajar terhadap tiga faktor utama iaitu teori, analisis dan aplikasi dalam pembelajaran adalah penting, terutamanya dalam kalangan pelajar yang mengambil mata pelajar Ekonomi. Namun begitu, keadaan ini memberi kekangan yang besar kepada para guru dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap teori, aplikasi dan analisis Ekonomi. Selaras dengan pernyataan di atas, minat pelajar Ekonomi Asas berada pada tahap yang rendah berikutan daripada para pelajar kurang memahami teori, analisis dan aplikasi Ekonomi secara lebih jelas (Ding & Li, 2011).

Aspek minat pelajar menjadi kayu ukur untuk menilai sama ada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah berkesan mahupun tidak seterusnya mempengaruhi prestasi pelajar (Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir et al., 2016; Mohd Hanafi et al., 2014). Menurut kajian Swan dan Hofer (2011) dalam kajiannya mendapati bahawa minat yang rendah dalam mempelajari mata pelajaran Ekonomi adalah salah satu punca kemerosotan prestasi pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Hal ini membuktikan bahawa faktor minat adalah penting dalam menjamin keberkesanan sesuatu pembelajaran (Awodun, Oni, dan Aladejana, 2014). Penurunan minat pelajar adalah satu punca kenapa prestasi semakin merosot (Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir et al., 2016; Mohd Hanafi et al., 2014).

Tidak hanya itu, menurut Zakariya dan Bamidele (2015) serta Sintayehu (2014) faktor minat ini juga mampu mengganggu daya tumpuan para pelajar di dalam bilik darjah dan seterusnya kebolehpayaan pelajar dalam memahami sesuatu pembelajaran menjadi lemah. Selain itu, kaedah pengajaran guru yang kebiasaanya menggunakan kaedah tradisional, didapati bahawa para pelajar lebih cenderung berasa bosan dan melupakan isi kandungan pelajaran (Zakariya & Bamidele, 2015; Sintayehu, 2014). Keadaan ini juga mampu memberi kesan negatif terhadap pelajar seandainya perkara ini tidak ditangani dengan kadar yang segera. Justeru itu, faktor minat adalah salah satu punca kepada kemerosotan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi, khususnya pada peringkat SPM.



Justeru itu, kajian yang dijalankan ini merupakan celahan kajian dalam membantu mengatasi permasalahan tersebut. Kajian ini dijalankan sebagai salah satu alternatif yang didapati dapat mengatasi masalah-masalah seperti yang dinyatakan di atas iaitu menerusi pelaksanaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) dalam mata pelajaran Ekonomi. Dalam kajian ini penyelidik membahagikan pelajar kepada tiga kumpulan pelajar yang terdiri daripada kumpulan yang menggunakan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW), kumpulan yang menggunakan Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan kumpulan yang menggunakan Kaedah Konvensional (KK) untuk mengenal pasti kesan penggunaannya terhadap minat dan prestasi pelajar Ekonomi. Perlunya kajian kaedah mobil *gallery walk* dijalankan dalam kajian ini adalah untuk meningkatkan prestasi dan minat pelajar Ekonomi dan seterusnya mengatasi permasalahan-permasalahan tersebut.



1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kesan penggunaan Kaedah Pembelajaran Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding kumpulan pelajar yang menggunakan Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) terhadap minat dan prestasi pelajar Ekonomi. Kesan yang dikaji adalah dari aspek minat dan prestasi pelajar sepanjang proses pembelajaran berlangsung.





1.5 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan kesan pelaksanaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) terhadap minat dan prestasi pelajar Ekonomi. Kesan ketiga-tiga kaedah pembelajaran ini dianalisis bagi menentukan tahap ketekalan KMGW dan KGW setelah intervensi dijalankan. Beberapa objektif telah dibentuk oleh penyelidik sebelum kajian dijalankan. Objektif kajian ini dibentuk secara khususnya adalah bagi:

- 1.5.1 Mengenal pasti skor minat pelajar bagi tempoh sebelum dan selepas pelaksanaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding pembelajaran menerusi Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) dalam mata pelajaran Ekonomi.
- 1.5.2 Menguji skor prestasi pelajar bagi tempoh sebelum dan selepas pelaksanaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding pembelajaran menerusi Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) dalam mata pelajaran Ekonomi.
- 1.5.3 Menyiasat kesan penggunaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding penggunaan Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) terhadap (i) minat dan (ii) prestasi pelajar Ekonomi.





- 1.5.4 Menguji hubungan antara minat dengan prestasi pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi menerusi Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW).

1.6 Persoalan Kajian

Berikut adalah beberapa soalan kajian yang timbul sebagai petunjuk dan hala tuju terhadap kajian yang dilaksanakan:

- 1.6.1 Adakah terdapat perubahan skor minat pelajar bagi tempoh sebelum dan selepas pelaksanaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding pembelajaran menerusi Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) dalam mata pelajaran Ekonomi?

- 1.6.2 Adakah terdapat perubahan skor prestasi pelajar bagi tempoh sebelum dan selepas pelaksanaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding pembelajaran menerusi Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) dalam mata pelajaran Ekonomi?

- 1.6.3 Adakah pelaksanaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berkesan untuk meningkatkan (i) minat dan (ii) prestasi pelajar Ekonomi berbanding kumpulan pelajar yang menggunakan Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan kumpulan yang menggunakan Kaedah Konvensional (KK)?





1.6.4 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat dan prestasi pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi menerusi Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW)?

1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada objektif dan soalan tiga dan empat maka sebanyak tiga hipotesis telah dibentuk dalam kajian ini iaitu seperti di bawah:

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesan penggunaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding penggunaan Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) terhadap minat pelajar Ekonomi.

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesan penggunaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding penggunaan Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) terhadap prestasi pelajar Ekonomi.

H₀₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat dan prestasi pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi menerusi Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW).

1.8 Kerangka Teoretikal Kajian

Berdasarkan masalah yang dikenal pasti maka terdapat kumpulan pembelajaran yang dikenal pasti dalam kajian ini iaitu kumpulan yang menjalani pembelajaran Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW), kumpulan yang menjalani Kaedah *Gallery Walk* (KGW) serta kumpulan yang menjalani pembelajaran secara Kaedah Konvensional (KK). Oleh itu, berdasarkan kaedah pembelajaran yang dibentuk maka kerangka konseptual dibina dalam kajian ini. Kerangka konseptual kajian dibentuk berdasarkan kepada kerangka teoretikal kajian. Kerangka teoretikal kajian terdiri daripada teori konstruktivisme Vygotsky (1978) dan teori perkembangan kognitif Vygotsky (1986) yang dikenali sebagai Zon Perkembangan Proksimal (ZPP).

1.8.1 Teori Konstruktivisme

Menurut Vygotsky (1978), pendekatan konstruktivisme merupakan pendekatan yang mentransformasikan proses pembelajaran daripada kaedah pembelajaran konvensional berpusatkan guru kepada pembelajaran sendiri. Vygotsky (1978) juga mengatakan bahawa konstruktivisme merupakan kaedah pembelajaran terarah sendiri di mana fungsi guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran hanyalah sebagai fasilitator dan moderator.

Konstruktivisme mampu membawa perubahan dalam proses pembelajaran serta melahirkan pelajar yang lebih berdaya saing pada masa hadapan dan konstruktivisme juga mampu menghasilkan pelbagai pendekatan untuk membantu para pelajar bagi menguasai



konsep yang diajar seperti pendekatan pencarian dan perbincangan maklumat (Splitter, 2009). Menurut Splitter (2009) lagi, konstruktivisme memberikan penekanan kaedah pembelajaran melalui pengalaman terdahulu yang digabungkan dengan pembelajaran yang sedang berlangsung melalui kaedah memproses, mentafsir dan berbincang bagi menghasilkan maklumat yang baharu. Penerapan teori konstruktivisme dalam kajian ini adalah bertujuan untuk membina pengetahuan sedia ada dan kemampuan sebenar pelajar.

1.8.2 Zon Perkembangan Proksimal (ZPP)

Menurut Vygotsky (1978), ZPP berupaya mewujudkan interaksi antara seseorang pelajar dengan pelajar yang lain untuk menyediakan peluang dalam menentukan pengetahuan sedia ada. Berdasarkan rajah 1.1, ZPP yang dihasilkan oleh Vygotsky (1978) telah diubahsuai oleh pengkaji. ZPP dalam kajian ini melibatkan peningkatan kebolehan pelajar dengan sokongan KMGW dan KGW yang merupakan penghubung antara kemampuan sebenar dengan kemampuan potensi.



Rajah 1.1. Kerangka Perkembangan Pelajar Proksimal (ZPP) Pelajar. Sumber: Ubah suai daripada Vygotsky (1978)

Dalam kajian ini, KMGW dan KGW merupakan bahan bantu mengajar yang bertujuan membantu meningkatkan minat dan prestasi pelajar di samping menjadikan proses pembelajaran menjadi lebih menarik. Kemampuan sebenar dalam kajian ini lebih cenderung kepada pengetahuan yang dibangunkan oleh pelajar semasa di luar proses pembelajaran. Sementara itu, peningkatan kebolehan pelajar dalam kajian ini merujuk kepada proses untuk meningkatkan minat dan prestasi pelajar. Manakala kemampuan potensi mengukur hasil pembelajaran pelajar dari aspek minat dan prestasi semasa proses pembelajaran berlangsung.

Para guru berperanan menyepadukan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran dengan menjadikan ZPP sebagai loncatan ke arah membantu para pelajar bertujuan menghasilkan kaedah pembelajaran berkualiti. Menurut Vygotsky (1978), ZPP membolehkan individu mencapai satu tahap kebolehan dengan bantuan daripada pihak lain. Justeru, dalam kajian ini guru merupakan pemudah cara dengan mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif dalam KMGW dan KGW serta dapat memaksimumkan



kebolehan serta membantu pelajar memahami kandungan pengajaran pada tahap yang optimum.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dibangunkan berdasarkan kepada dua teori, antaranya ialah Teori Konstruktivisme Vygotsky (1978) dan Teori Perkembangan Kognitif Vygotsky (1986) yang dikenali sebagai Zon Perkembangan Proksimal (ZPP). Dalam kajian ini keberkesanan pembelajaran berdasarkan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) dan Kaedah *Gallery Walk* (KGW) merupakan pemboleh ubah tidak bersandar, manakala pemboleh ubah bersandar pula terdiri daripada minat dan prestasi pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi. Rajah 1.2 di bawah menunjukkan Kerangka Perkembangan Proksimal Pelajar. Kerangka ini dibina dan diubah suai oleh penyelidik berdasarkan teori berkaitan dengan konsep zon perkembangan proksimal (ZPP) yang diperkenalkan oleh Vygotsky (1978). Berdasarkan kerangka tersebut, ZPP berada di tengah-tengah iaitu antara kemampuan sebenar dengan kemampuan potensi pelajar.

Pada peringkat kemampuan sebenar ini, wujudnya kemampuan sebenar pelajar dan pengetahuan sedia ada pelajar. Pada peringkat ini, para pelajar mencipta pengetahuan mereka melalui pembelajaran di dalam kelas iaitu secara konvensional. Menurut Ahmad Arifin, Raden, Fikri dan Mat (2013), kesediaan seseorang pelajar untuk belajar adalah dipengaruhi oleh pengetahuan sedia ada atau pengalaman yang pernah dilalui. Sebelum aktiviti pembelajaran dijalankan, bahan-bahan disediakan bagi kumpulan rawatan tersebut.





Bagi kumpulan KGW, bahan-bahan yang disediakan adalah bahan-bahan berbentuk gambar. Manakala bagi kumpulan KMGW pula, bahan-bahan dimasukkan ke dalam akaun *Padlet* pelajar bagi mewujudkan pengetahuan sedia ada dan memaksimumkan kemampuan sebenar pelajar

Menurut Vygotsky (1978), ZPP merupakan suatu tahap kebolehan yang boleh dicapai oleh individu tersebut dengan bantuan pihak luar. Menerusi bantuan yang diberikan, maka para pelajar dapat mengoptimumkan kemahiran sedia ada tanpa memerlukan sebarang bantuan daripada individu lain (Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir, 2007). Justeru, berdasarkan kepada kajian ini pelajar yang berada dalam lingkungan ZPP mempunyai peluang yang cerah dalam memaksimumkan kebolehan serta mampu memahami kandungan pengajaran pada peringkat yang optimum. Dalam kajian ini Kaedah *Mobil Gallery Walk* (KMGW) dan Kaedah *Gallery Walk* (KGW) bertindak sebagai medium sokongan bagi membantu pelajar dalam menguasai kandungan bagi mata pelajaran Ekonomi.

Bagi mengukuhkan kemampuan sebenar pelajar, elemen pengajaran dan pembelajaran dimasukkan pada peringkat ini (Campbell et al., 2001). Pada peringkat ini pendedahan secara terperinci melalui pengaplikasian KMGW dan KGW berupaya menjana minat dan prestasi pelajar. Pembelajaran secara kolaboratif mempunyai potensi untuk meningkatkan prestasi pelajar dan merangsang motivasi pelajar dalam proses pembelajaran (Yusliza & Farrah, 2011). Justeru dalam kajian ini, pendekatan kolaboratif yang diterapkan






dalam mobil *gallery walk* bukan sahaja menggalakkan interaksi sosial pelajar malah turut memberi kesan positif kepada minat dan prestasi pelajar.

Pada peringkat kemampuan potensi pula, peringkat ini boleh menentukan kualiti sesuatu hasil pembelajaran dilaksanakan. Pada peringkat ini turut berlaku proses memahami dan bertindak balas terhadap persekitaran (Campbell et al., 2001). Situasi yang berlaku dalam kajian ini melibatkan maklum balas pelajar terhadap KGW dan KMGW yang diterapkan dalam proses pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, hasil pembelajaran dinilai berdasarkan kepada minat dan prestasi pelajar. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian seperti yang telah dijelaskan.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian



1.10 Kepentingan Kajian

Hasil penyelidikan ini sangat bermanfaat kepada beberapa pihak yang terlibat dalam mentransformasikan sistem pendidikan di negara kita dalam membina sistem pendidikan yang baru dalam negara ini. Pengaplikasian kaedah mobil *gallery walk* dalam pembelajaran dapat merangsang minat pelajar untuk menyertai aktiviti pembelajaran dalam persekitaran yang lebih luas bagi meneroka serta meningkatkan prestasi pelajar. Pembelajaran bagi pelajar tidak seharusnya terhad kepada bahan-bahan ilmiah serta hanya di dalam kelas sahaja sebaliknya perlulah lebih luas agar minda pelajar lebih terbuka dan dapat meneroka dengan lebih luas.



Penyelidikan ini juga dapat memberi kepentingan kepada Kementerian Pendidikan dalam menambahbaik kemudahan ICT yang tersedia. Kemudahan infrastruktur yang sedia ada di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi perlulah dipertingkatkan bagi membolehkan kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah mobil *gallery walk* diaplikasikan. Sebagai contohnya Kementerian Pendidikan boleh menambahbaik lagi kemudahan yang disediakan seperti menambah lagi bilangan peralatan teknologi seperti komputer riba dan komputer tablet. Tambahan pula, rangkaian internet tanpa wayar yang disediakan di setiap sekolah seharusnya mempunyai jarak akses yang lebih lebar. Ini secara tidak langsung membolehkan keseluruhan persekitaran di sekolah memperolehi saluran internet tanpa wayar.





Hasil dapatan kajian ini juga bermanfaat kepada pentadbir sekolah dalam merancang latihan kemahiran kepada para guru dalam mengaplikasikan kaedah pembelajaran mobil *gallery walk*. Hal ini perlu dititik beratkan kerana para guru haruslah mempunyai kemahiran dan dapat mengaplikasikannya dalam proses pembelajaran. Justeru, pihak pentadbir perlu melaksanakan program dan kursus-kursus bagi memastikan para guru mempunyai kemahiran dalam menggunakan peralatan elektronik di samping dapat mengaplikasikannya dalam proses pembelajaran seharian.

Hasil dapatan kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada para guru dalam merancang dan mempersiapkan diri mereka dari aspek kemahiran dan pengetahuan berkenaan dengan kemahiran dalam bidang ICT dan pengaplikasian penggunaan peralatan elektronik dalam proses pembelajaran kerana kemudahan teknologi mampu menambahbaik kaedah pembelajaran secara konvensional. Para guru juga haruslah memastikan agar setiap pelajar sudah bersedia dalam menangani perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Hasil penyelidikan ini juga diharap dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pihak-pihak tertentu bagi memastikan kaedah mobil *gallery walk* ini dapat diaplikasikan dalam institusi-institusi pendidikan yang lain. Dapatan kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji sendiri dan pengkaji lain sekiranya ingin memajukan kajian ini pada masa hadapan.



1.11 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat kesan penggunaan kaedah pembelajaran mobil *gallery walk* terhadap minat dan prestasi pelajar Ekonomi. Kajian ini tertumpu kepada pelajar yang mengambil kursus Ekonomi di salah sebuah sekolah di Zon Sepang, Selangor dan sampel kajian adalah seramai 99 orang responden. Kajian ini juga melibatkan pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum. Tumpuan kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap minat dan skor prestasi pelajar bagi tempoh sebelum dan selepas pelaksanaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding pembelajaran menerusi Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) dalam mata pelajaran Ekonomi. Menyiasat kesan penggunaan Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW) berbanding penggunaan Kaedah *Gallery Walk* (KGW) dan Kaedah Konvensional (KK) terhadap (i) minat dan (ii) prestasi pelajar Ekonomi. Akhir sekali menguji hubungan antara minat dan prestasi pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi menerusi Kaedah Mobil *Gallery Walk* (KMGW).

1.12 Batasan Kajian

Kaedah pengajaran berasaskan kepada kaedah mobil *gallery walk* yang telah dibina oleh penyelidik masa lalu adalah satu garis panduan kurikulum yang tidak hanya memfokuskan kepada mana-mana mata pelajaran tertentu sahaja. Walau bagaimanapun dalam kajian ini panduan reka bentuk kurikulum yang dibangunkan hanya diuji kepada para pelajar kursus Ekonomi sahaja.



Pengaplikasian mobil *gallery walk* dalam kajian ini menggunakan infrastruktur sistem internet tanpa wayar yang telah sedia ada di sekolah. Sistem internet yang digunakan di sekolah adalah berasaskan sistem internet tanpa wayar yang dibekalkan oleh pihak *SchoolNet* ke sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Dalam kajian ini, penyelidik hanya menggunakan dua peranti mudah alih sahaja iaitu komputer dan telefon bimbit. Dalam kajian ini, pengkaji tidak mengkaji keseluruhan pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi tetapi hanya tertumpu kepada seramai 99 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi daripada sebuah sekolah di Zon Sepang, Selangor.

1.13 Definisi Operasional



1.13.1 Mobil Pembelajaran

Kumar, Wotto dan Belanger (2018) mengatakan bahawa mobil pembelajaran dapat ditakrifkan sebagai penggunaan apa-apa juga peralatan teknologi mudah alih yang telah dibangunkan dan direka bentuk untuk membolehkan para pelajar mengakses dan memperolehi sebarang maklumat pada bila-bila masa dan daripada mana-mana lokasi. Dalam kajian ini, maksud mobil pembelajaran lebih menjurus kepada kaedah pembelajaran yang menggunakan teknologi mudah alih yang terkini seperti telefon pintar dan komputer dalam menyampaikan maklumat pengajaran kepada pelajar serta boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.





1.13.2 *Gallery Walk*

Gallery Walk menurut Rodenbaugh (2015), adalah salah satu strategi pengajaran yang wajar dan bersesuaian untuk diaplikasikan dalam sistem pendidikan abad ke-21 kerana kaedah ini membuatkan proses pengajaran dan pembelajaran menjurus kepada berpusatkan pelajar di samping membantu pelajar untuk bergiat secara aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, kaedah *gallery walk* bermaksud teknik perbincangan secara kolaboratif yang dapat membuatkan pelajar berfikir dan berbincang antara satu sama lain serta menjadi peserta aktif dalam proses pembelajaran.

1.13.3 Prestasi



Menurut May dan Elder (2018), prestasi akademik dapat didefinisikan sebagai hasil keputusan yang baik serta positif yang diperolehi oleh para pelajar dalam pembelajaran mereka yang dapat dilihat daripada keputusan markah dan penilaian yang diperolehi oleh mereka selepas menjalani proses pembelajaran. Dalam kajian ini, prestasi merupakan kecenderungan peningkatan skor pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi hasil daripada pelaksanaan kaedah mobil *gallery walk* (KMGW) terhadap para pelajar.





1.13.4 Minat

Menurut Strang (2016) minat merupakan salah satu dari personaliti yang lahir dalam diri seseorang pelajar. Melalui minat para pelajar lebih bermotivasi dalam setiap perkara yang mereka lakukan (Strang, 2016). Dalam kajian ini, minat merupakan kecenderungan pelajar menyukai mata pelajaran Ekonomi hasil daripada pelaksanaan kaedah mobil *gallery walk* (KMGW) terhadap para pelajar.

1.13.5 Kumpulan Eksperimen

Kumpulan eksperimen merupakan suatu kumpulan yang dijadikan bahan kajian bagi melihat keberkesanan sesuatu kaedah atau konsep yang baru berbanding dengan kaedah lama (Creswell, 2014). Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan ini, kumpulan eksperimen tergolong daripada para pelajar tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Ekonomi yang dipilih secara rawak sebagai sampel bagi menguji tahap keberkesanan kaedah mobil *gallery walk* (KMGW) dan kaedah *gallery walk* (KGW) dalam pembelajaran bagi mata pelajaran Ekonomi.



1.13.6 Kumpulan Kawalan

Menurut Gay, Mills dan Airasian (2009), kumpulan kawalan adalah kumpulan yang menerima kesan ‘placebo’ (*placebo effect*). Kumpulan kawalan ini berfungsi bagi memastikan setiap kesan yang berlaku berpunca daripada intervensi yang diberikan kepada kumpulan eksperimen dan bukanlah berpunca daripada faktor-faktor lain (Gay, Mills & Airasian, 2009). Di dalam kajian ini, kaedah konvensional (KK) berfungsi sebagai *placebo* kepada sampel pelajar dalam kumpulan kawalan. Tiada sebarang rawatan diberikan kepada sampel pelajar dalam kumpulan kawalan ini.

1.14 Rumusan



Pengaplikasian kaedah pembelajaran mobil *gallery walk* (KMGW) dalam sistem pendidikan mampu memberi pengaruh yang positif sekiranya diaplikasikan dan digunakan oleh para guru dan pelajar dalam proses pembelajaran seharian. Hal ini demikian kerana alat bantu mengajar ini sangat menarik serta dapat membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar serta melancarkan proses pembelajaran tidak kira bila-bila masa dan di mana sahaja. Lebih-lebih lagi penggunaan kaedah pembelajaran ini juga merupakan petanda positif berlakunya perkembangan yang baik dalam sistem pendidikan di negara kita. Justeru, kaedah pembelajaran mobil *gallery walk* (KMGW) mempunyai kelebihan yang tersendiri dan wajar diaplikasikan dan digunakan bukan hanya kepada pelajar Ekonomi sahaja tetapi boleh diimplimentasikan dalam sistem pendidikan negara dalam usaha menambah baik corak sistem pendidikan yang sedia ada

